



KEBERKESANAN PROGRAM KAUNSELING RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH DARI PERSPEKTIF PENGHUNI PUSAT SERENTI

Zulhairi Ahmad¹
Mahmood Nazar Mohamed²

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti persepsi penghuni yang menjalani program pemulihan dadah di pusat serenti mengenai keberkesanan program kaunseling yang ditawarkan kepada mereka. Secara khususnya ia melihat keberkesanan kaunseling dengan merujuk kepada umur responden, jumlah jam kaunseling yang diikuti mereka dan fasa rawatan mereka. Tambahan pula, ia juga meneliti hubungan di antara harga diri dengan keberkesanan kaunseling di pusat pemulihan. Sejumlah 205 responden dipilih secara rawak dan mereka menjawab soal selidik "Comprehensive Scale of Psychotherapy Session Constructs" (CSPSC) dan "Rosenberg Self-esteem Scale" (RSES). Hasil kajian mendapati tiada hubungan di antara umur dengan persepsi keberkesanan kaunseling, tetapi terdapat hubungan signifikan di antara jumlah jam serta bilangan sesi kaunseling dengan persepsi keberkesanan kaunseling. Kajian turut mendapati mereka yang harga dirinya tinggi, juga mempersepsi kaunseling sebagai lebih berkesan.

ABSTRACT

The aim of this study is to evaluate the perception of residents who were currently undergoing the drug rehabilitation programme at the Serenti Centre regarding the effectiveness of the counselling sessions that were offered to them. This study was specifically carried out to analyse the effectiveness of the counselling sessions based on the respondents' age, number of hours spent

¹ Graduan Program Pengurusan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia

² Profesor Psikologi, Penyelia Latihan Ilmiah, Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, UUM



undergoing counselling and their rehabilitation treatment phase. Besides that, this study was also conducted to assess the correlation between the residents' self respect and the effectiveness of the counseling sessions at the rehabilitation centre. A total of 205 respondents were randomly chosen to answer the Comprehensive Scale of Psychotherapy Session Contracts (CSPSC) questionnaire as well as the Rosenberg Self-esteem Scale (RSES) questionnaire. This study revealed that there was no correlation between the age factor and the perception of the effectiveness of the counselling sessions. However, there was a significant correlation between the number of counselling hours and the effectiveness of the counselling sessions. Besides that, this study also revealed that respondents who had high self respect also perceived the counselling sessions to be effective.

PENGENALAN

Gelagat luar tabii dan gejala sosial terutamanya di kalangan muda mudi sejak beberapa tahun kebelakangan ini dikatakan mempunyai kaitan dengan masalah penyalahgunaan dadah. Malah peningkatan penggunaan dadah sintetik (ATS) turut dihubungkan dengan peningkatan indeks jenayah melalui kenyataan Ketua Polis Negara dalam akhbar Utusan Malaysia pada bulan Ogos 2006.

Penagihan dadah turut dikaitkan dengan pelbagai jenis penyakit. Sharol Lail Sujak (2001) mencatatkan bahawa sehingga 1998, jumlah keseluruhan penagih dadah di Malaysia seramai 160,427 orang dan daripada jumlah itu seramai 20,301 orang penagih telah disahkan dijangkiti virus HIV+. Perangkaan pada tahun 2006 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan bahawa lebih daripada 75% kes-kes HIV+ adalah dari kalangan penagih dadah yang menggunakan jarum suntikan. Ini pula memberi gambaran bahawa masalah penagihan tidak hanya berhenti di situ tetapi telah merebak ke tahap yang lebih menyulitkan.

Sememangnya, permasalahan penyalahgunaan dadah merupakan satu krisis yang perlu ditangani oleh Agensi Antidadah Kebangsaan dengan kerjasama pelbagai jabatan lain akibat peningkatan pelbagai jenis penagih yang dikesan setiap tahun, sama ada kes-kes penagih baru ataupun kes penagihan berulang (Laporan ADK, 2002). Peningkatan ini juga menunjukkan bahawa strategi antidadah yang digunakan sejak penggubalannya pada tahun 1983 mungkin belum dapat memberikan impak seperti yang diharapkan.



Dua pendekatan digunakan oleh AADK³ untuk membanteras masalah ini, iaitu dengan menggunakan strategi pengurangan bekalan dan pengurangan permintaan. Tumpuan yang diberikan di sini ialah pendekatan pemulihan penagih dadah. Pemulihan penagih dadah merupakan satu aspek penting dalam mengurangkan permintaan terhadap dadah dan aspek ini kerap menjadi tumpuan oleh para penyelidik bidang penagihan dadah (Mahmood, Md. Shuaib & Abdul Halim, 1993). Kaedah dan pendekatan rawatan dan pemulihan yang baru telah dipraktikkan dengan lebih berkesan melalui pendekatan psikologi yang digunakan menerusi program kaunseling.

Dalam program rawatan dan pemulihan dadah yang diamalkan di luar negara seperti di Britain dan Amerika Syarikat, pendekatan tingkah laku dan psikososial, khususnya kaunseling adalah di antara kaedah utama untuk memulihkan penagih dadah. Melalui kaunseling, seseorang itu akan dibantu untuk membina kemahiran mengurus tekanan seharian, meningkatkan keupayaan '*coping skills*' serta '*self-mastery*' dalam penyesuaian diri dan penyelesaian masalah, seterusnya mendorong mereka untuk membina gaya hidup yang sihat. Justeru itu, adalah penting untuk mengetahui keberkesanan program kaunseling yang dijalankan di pusat-pusat pemulihan dadah.

PENYATAAN MASALAH

Masalah penagihan semula di kalangan bekas penghuni yang dibebaskan dari pusat serenti sememangnya menjadi isu setiap kali subjek dadah dibincangkan (Mahmood, 1999; Mahmood, Md. Shuaib, Lasimon, Dzahir & Rusli, 1999). Keadaan ini menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak kerana keadaan ini boleh menggugat keharmonian dan keselamatan sosial. Ini kerana mereka yang terbabit dalam masalah penagihan adalah golongan remaja dan belia yang mana mereka merupakan tonggak kekuatan negara pada masa akan datang (Mohamad Samad, 1998).

Persoalan yang diajukan adalah adakah pihak Agensi Antidadah Kebangsaan khususnya pengurusan di pusat serenti telah menyediakan program rawatan dan pemulihan yang berkesan dan adakah penghuni-penghuni dapat menerima program kaunseling yang dilaksanakan di

³ Penggunaan singkatan ADK dan AADK adalah berkaitan dengan perubahan nama Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2004. Semua bahan rujukan rasmi adalah berpandukan kepada nama rasmi agensi pada ketika ia diterbitkan.



pusat serenti? Seperti yang dinyatakan di atas, kaunseling merupakan tonggak khidmat pemulihan psikologi di pusat-pusat pemulihan dadah (Agensi Dadah Kebangsaan, 1998) dan seandainya program ini menampakkan kejayaan, maka pemulihan di pusat-pusat pemulihan boleh dirumuskan sebagai telah memberi input baik ke arah kepulihan penagih dadah.

OBJEKTIF

Sehubungan dengan itu, keberkesanan kaunseling ini dikaji daripada perspektif penghuni serta diteliti dengan merujuk kepada satu konstruk psikologi yang telah terbukti berkaitan dengan kepulihan penagih dadah. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk:

- i. Mengkaji persepsi keberkesanan program kaunseling dengan umur penghuni;
- ii. Mengkaji persepsi keberkesanan program kaunseling dengan jumlah jam kaunseling individu dan kelompok yang dilalui oleh penghuni;
- iii. Mengkaji keberkesanan persepsi terhadap program kaunseling dengan merujuk kepada fasa rawatan penghuni; dan
- iv. Mengkaji peningkatan harga diri dengan merujuk kepada persepsi penghuni terhadap program kaunseling yang diikuti mereka.

Seperti yang dihuraikan di atas, kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan program kaunseling kepada penghuni yang sedang menjalani program rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti Rawang. Aktiviti kaunseling dalam kajian ini adalah program kaunseling yang dibentuk melalui Perintah-perintah Tetap Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan Bil. 2/98.

ULASAN KAJIAN

Kaunseling merupakan kaedah untuk membantu individu yang mengalami masalah salah suai untuk kembali kepada kehidupan lazim (Amir Awang, 1987; Mohd Mansur, 1993; Suradi, 1996) termasuklah untuk mereka yang menggunakan ataupun yang sudah ketagih dengan dadah (Mahmood, 1999). Banyak kajian telah dilakukan sama ada di dalam mahupun di luar negara untuk meneliti keberkesanan sesuatu program yang dikaitkan dengan usaha memulihkan penagih dadah. Kebanyakan kajian ini melihat kepada aspek kaunseling yang diberikan kepada penghuni-penghuni pusat pemulihan (Jackson & Muth, 1999; Mahmood, Md Shuaib & Abdul Halim, 1993; Mahmood, 1999; Zickler, 1999).



Kajian oleh National Institute on Drug Abuse (NIDA) (Jackson & Muth; 1999; Zickler, 1999) mendapati bahawa rawatan kaunseling yang diberikan kepada penagih kokain adalah lebih berkesan dalam menghentikan pengambilan dadah berbanding dengan kumpulan penagih dadah yang cuba berhenti sendiri. Dalam kajian ini, rata-rata individu yang menerima kaunseling menunjukkan penurunan dalam kekerapan menggunakan dadah daripada mereka yang tidak menjalani kaunseling.

Hal ini turut ditemui oleh Mahmood (1999) dan beliau berpendapat bahawa peranan kaunseling dalam pemulihan dapat membantu residen pusat pemulihan mengurus *reentry crisis* yang dihadapi mereka ketika keluar dari pusat serenti kerana ia dapat membantu residen membina tingkah laku baru untuk menyelesaikan masalah, menimbulkan kesedaran kerjaya, merapatkan dan mengukuhkan hubungan kekeluargaan, meningkatkan konsep sendiri, mewujudkan kesedaran tentang tanggungjawab diri, berfikiran positif, mencegah *relapse* dan mendorong pembinaan sikap berdikari.

Kajian yang dijalankan oleh Flisher dan De Beer (2002) bagi melihat kepada 932 pelajar lelaki dan perempuan yang menerima perkhidmatan kaunseling di University of Cape Town Afrika mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan di antara faktor umur dengan penerimaan sesi kaunseling. Kajian ini juga bagi melihat keberkesanan perkhidmatan kaunseling mengikut pencapaian akademik. Keputusan mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan di antara taraf pendidikan dengan penerimaan sesi kaunseling. Peratus yang ditunjukkan dalam keberkesanan program kaunseling yang mempunyai pencapaian akademik yang baik adalah 85% berbanding 15% yang mempunyai tahap akademik yang rendah. Mahmood (2001) turut menggariskan bahawa kaunseling penagihan dadah berupaya memberi kesedaran kepada penuntut institusi pengajian tinggi untuk menjauhi dadah.

Zickler (1999) yang melakukan kajian terhadap 487 orang pengguna dadah di lima buah universiti di Pennsylvania, mendapati bahawa penggunaan kaedah kaunseling amat berkesan dalam memberi kesedaran tentang bahaya dadah. Kajian mereka menunjukkan bahawa bagi pengguna dadah yang menjalani sesi kaunseling selama enam bulan, sejumlah 38% daripada 487 pengguna dadah telah berjaya dipulihkan. Manakala bagi pengguna dadah yang menjalani sesi



kaunseling selama tiga bulan, hanya 27% dapat dipulihkan. Ini menunjukkan bahawa semakin banyak dan lama sesi kaunseling diterima oleh pengguna dadah, semakin berkesan kaunseling itu ke atas dirinya untuk menjauhi dadah. Perubahan tingkah laku lain yang dapat dilihat daripada pengguna dadah yang mengikuti program kaunseling individu dan kelompok ialah perubahan pada personaliti dan harga diri mereka.

Di Malaysia, kajian yang diusahakan oleh Mahmood, Md. Shuaib, Lasimon, Md. Dzahir dan Rusli (1999) mengenai aspek psikologikal penagih telah menemui seramai 2,819 orang penghuni pusat serenti untuk mendapat maklumat pemulihan psikososial mereka. Kajian ini meneliti perubahan psikologi (aspek-aspek psikologikal seperti kebimbangan, kemurungan dan harga diri) semasa mereka menjalani program rawatan dan pemulihan selama hampir dua tahun. Ia juga meneliti perkembangan dan kemajuan mereka setelah keluar dari pusat pemulihan. Daripada bilangan penagih dadah yang ditemuduga di peringkat awal, kajian *tracer* dilakukan ke atas sejumlah 2,416 orang yang telah dibebaskan dari pusat serenti dan sejumlah 1,941 orang dapat dihubungi untuk proses pemantauan. Daripada bilangan yang dikesan iaitu 958, sejumlah 584 orang *relapse* dan 374 orang masih bebas daripada pengaruh dadah. Hasil kajian mendapati bahawa tahap harga diri bekas-bekas penghuni pusat serenti yang masih bebas dadah rata-rata adalah lebih tinggi berbanding dengan rakan mereka yang *relapse*.

Dengan berpandukan kepada beberapa ulasan kajian lalu, ia sedikit sebanyak telah menunjukkan bahawa kaunseling adalah berkesan dalam proses pemulihan penagih-penagih dadah dan jika ianya dikendalikan secara profesional dan teratur, maka ia akan meningkatkan lagi keberkesanan pemulihan berterusan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan keratan rentas yang dilakukan ke atas penghuni Pusat Serenti Rawang, Selangor. Data dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden di Pusat Serenti Rawang. Penggunaan borang soal selidik ini dilakukan adalah kerana ia dapat mengkaji lebih ramai responden dalam tempoh kajian yang terhad dan lebih banyak data dapat dikumpulkan (Syed Arabi Idid, 1992; Heppner, Kivilighan & Wampold, 1999). Populasi kajian di Pusat Serenti Rawang ialah 457 orang. Persampelan rawak digunakan untuk memilih responden. Menurut



Sekaran (2000), bilangan sampel yang sesuai bagi mewakili populasi berjumlah 457 orang adalah seramai 205 orang.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang memuatkan latar belakang penghuni serta soal selidik mengukur persepsi keberkesanan kaunseling dan tahap harga diri. Alat pengukuran yang digunakan bagi meneliti keberkesanan kaunseling merujuk kepada *Comprehensive Scale of Psychotherapy Session Constructs* (CSPSC) (Eugster & Wampold, 1996). Nilai alpha Cronbach bagi CSPSC ialah 0.84, manakala bagi konstruk harga diri, Skala Harga Diri Rosenberg (RSES) (Rosenberg, 1965) dengan nilai alpha Cronbach ialah 0.86.

Perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) digunakan untuk menganalisis melalui statistik perihalan dan inferensi. Korelasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan faktor demografi seperti umur, jumlah jam kaunseling dan harga diri, sementara ujian ANOVA sehalu digunakan untuk melihat perbezaan persepsi penghuni terhadap program kaunseling dengan fasa rawatan mereka.

KEPUTUSAN KAJIAN

Sejumlah 205 orang penghuni Pusat Serenti Rawang bertindak sebagai responden kajian. Mereka terdiri 67 orang dari fasa 1; 59 orang dari fasa 2; 55 orang dari fasa 3 dan 24 orang penghuni dari fasa 4. Seramai 73% daripada responden berbangsa Melayu dan min umur adalah 29.5 tahun.

i. Umur dengan Program Kaunseling

Ujian korelasi Pearson dilakukan bagi melihat hubungan di antara faktor umur dengan program kaunseling yang dijalankan. Keputusan menunjukkan tidak wujud hubungan yang signifikan antara umur penghuni dengan persepsi terhadap program kaunseling ($r = 0.04$, $p > 0.05$). Ini menunjukkan bahawa umur tidak ada kaitan dengan persepsi terhadap keberkesanan program kaunseling yang dijalankan.

ii. Jangka Masa Kaunseling Individu dan Kelompok

Ujian korelasi Pearson juga dilakukan bagi melihat hubungan antara jumlah jam kaunseling individu dengan program kaunseling yang dijalankan. Keputusan menunjukkan jumlah jam kaunseling individu mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan program kaunseling ($r = 0.178$, $p < 0.05$). Ini menunjukkan bahawa semakin banyak tempoh jam kaunseling individu yang dijalani



seseorang itu, semakin tinggi keberkesanan program kaunseling kepada penghuni yang terlibat.

Seterusnya ujian korelasi dilakukan untuk melihat hubungan jumlah jam kaunseling kelompok dengan program kaunseling. Keputusan menunjukkan jumlah jam kaunseling kelompok mempunyai hubungan yang positif lagi signifikan dengan program kaunseling ($r = 0.161$, $p < 0.05$). Ini menunjukkan bahawa semakin kerap tempoh kaunseling kelompok yang diikuti oleh penghuni, mereka mempunyai persepsi bahawa sesi-sesi kaunseling tersebut adalah berkesan untuk pemulihan mereka.

iii. Fasa Rawatan dengan Program Kaunseling

Ujian ANOVA sehalu dilakukan untuk melihat perbezaan persepsi terhadap program kaunseling dengan merujuk kepada fasa rawatan responden. Keputusan mendapati bahawa wujud perbezaan yang signifikan antara fasa rawatan dengan program kaunseling ($F = 5.829$, $p < 0.05$). Ini bermakna kedudukan fasa yang berbeza akan membawa kepada tahap keberkesanan program kaunseling yang berbeza kepada setiap penghuni yang menjalani program pemulihan.

Penghuni yang berada di fasa tiga mencatatkan nilai min persepsi yang paling tinggi iaitu 77.36 diikuti oleh penghuni di fasa dua dengan jumlah min 75.65, sementara penghuni fasa empat dengan jumlah min 74.62 dan akhir sekali penghuni di fasa satu dengan jumlah min 71.62. Keputusan min penghuni fasa empat rendah sedikit daripada penghuni fasa tiga dan dua, kerana di fasa akhir, mereka lebih tertumpu kepada aktiviti pra-bebas seperti khidmat serta integrasi masyarakat. Ini menunjukkan bahawa semakin lama penghuni menjalani tempoh rawatan semakin berkesan program kaunseling yang dijalankan ke atas mereka.

Jadual 1 : Ujian ANOVA Sehalu Untuk Melihat Hubungan Jam Kaunseling Kelompok dengan Program Kaunseling

PEMBOLEH UBAH	FASA	n	Min	F	Sig
Program Kaunseling	1	67	71.62	5.829	0.001
	2	59	75.62		
	3	55	77.36		
	4	24	74.62		



iv. Harga Diri dengan Program Kaunseling

Ujian korelasi Pearson dilakukan bagi melihat hubungan peningkatan harga diri dengan program kaunseling. Keputusan menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara peningkatan harga diri dengan program kaunseling ($r = 0.384, p < 0.05$). Ini bermakna penghuni yang mempunyai persepsi yang tinggi terhadap keberkesanan program kaunseling juga mempunyai tahap harga diri yang lebih tinggi.

PERBINCANGAN

Kaunseling adalah satu proses penting dalam menguruskan pergantungan psikologi penagih dadah terhadap dadah. Sememangnya banyak jenis kaunseling yang diamalkan di pelbagai pusat pemulihan dadah tetapi kebanyakannya berbentuk individu dan kelompok. Begitu juga dengan sesi kaunseling yang dijalankan di Pusat Serenti Rawang, yang mana ia mengikuti garis panduan yang dikeluarkan melalui Arahan Tetap Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan 2/98.

Pelbagai kajian juga telah menunjukkan bukti bahawa kaunseling adalah perlu, penting dan berkesan dalam proses pemulihan penagihan dadah (Zickle, 1999). Antara matlamat kajian ini ialah untuk meneliti sama ada penghuni yang mengikuti kaunseling merasakan ianya berguna dan berkesan ke arah pemulihan penagihan dadah di kalangan mereka.

Secara umumnya dapatan kajian menunjukkan bahawa kaunseling dipersepsi sebagai berguna untuk pemulihan penghuni di Pusat Serenti Rawang. Namun, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan antara umur dengan program kaunseling. Ini bermakna, faktor umur yang berbeza-beza tidak ada kaitan dengan keberkesanan kepada seseorang penghuni itu selepas mereka menjalani program kaunseling di Pusat Serenti Rawang.

Hasil kajian ini tidak selari dengan kajian yang dilakukan oleh Flisher dan DeBeer (2002) ke atas pelajar-pelajar di Universiti of Cape Town yang menyatakan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara faktor umur dengan sesi program kaunseling. Namun demikian, kajian berkenaan bukan dilakukan di kalangan penagih dadah. Mungkin juga kerana program kaunseling di pusat serenti tidak diarahkan untuk



melihat isu-isu berkaitan dengan umur seseorang klien (*age specific issue*) tetapi hanya kaunseling penagihan sahaja.

Di samping itu, boleh dikatakan bahawa keberkesanan program kaunseling yang dijalani oleh setiap penghuni terbabit adalah terletak pada diri penghuni itu sendiri yang telah menerima program kaunseling, bukanlah terletak pada faktor umur dan taraf pendidikan. Menurut Muhd. Mansur (1993) faktor umur tidak boleh dijadikan ukuran pada diri individu dalam penerimaan kaunseling. Faktor kerelaan klien penting semasa menjalani kaunseling seperti mempunyai sifat keterbukaan dan membahaskan masalahnya bagi menentukan matlamat-matlamat perubahan tingkah lakunya untuk merancang masa hadapan.

i. Jumlah Jam Kaunseling Individu dan Kelompok

Keputusan kajian mendapati wujud kaitan yang signifikan di antara jumlah jam kaunseling individu dan kelompok dengan program kaunseling. Ini menunjukkan bahawa semakin banyak masa dan tempoh jam kaunseling yang dihadiri oleh penghuni-penghuni, maka mereka merasakan bahawa ia semakin berkesan. Keputusan ini boleh menunjukkan bahawa semakin kerap seseorang klien (penghuni) berjumpa dengan kaunselor, ia akan menghasilkan satu bentuk hubungan yang kukuh antara klien dengan kaunselor. Dalam proses ini secara langsung akan menimbulkan kepercayaan tinggi klien terhadap kaunselor sekali gus mempertingkatkan keberkesanan program kaunseling yang dijalankan. Menurut Muhd. Mansur (1993), kaunseling adalah suatu proses aktif di antara kedua-dua belah pihak, dicorakkan dengan hubungan yang tertentu di antara kaunselor dengan kliennya bagi tujuan mengubah tingkah laku seseorang. Dapatlah dikatakan bahawa semakin tinggi jumlah jam kaunseling yang dihadiri oleh seseorang penghuni itu, ia menandakan suatu proses yang aktif di antara kaunselor dengan kliennya. Pada masa yang sama, lebih lama mereka menghadiri kaunseling, lebih banyak isu dapat diterokai, dan kemungkinan ini ada kaitan dengan tahap kepuasan penghuni itu sendiri.

Keputusan kajian ini juga adalah selari dengan dapatan kajian oleh Zickle (1999) yang menyatakan bahawa semakin banyak dan lama sesi kaunseling yang dilalui seseorang penagih dadah, maka semakin meningkat tahap harga dirinya. Menurut Zickler (1999) keberkesanan



sesuatu program kaunseling adalah berpandukan kepada perubahan personaliti penagih dadah itu. Keberkesanan sesuatu program kaunseling juga dilihat berdasarkan kepada tingkah laku penagih-penagih yang tidak lagi mengambil dadah.

ii. Fasa Rawatan

Keputusan kajian ini mendapati wujud perbezaan yang signifikan di antara fasa rawatan penghuni dengan program kaunseling. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Mahmood, Md. Shuaib, Lasimon, Muhamad Dzahir dan Rusli (1999) yang menyatakan bahawa wujud perbezaan perubahan psikosial yang dialami oleh penghuni bagi setiap fasa rawatan iaitu fasa 1 dengan fasa 4 semasa menjalani program pemulihan yang membabitkan program psikologi. Menurut Mahmood (2001) setiap fasa mempunyai objektif kaunseling yang berbeza iaitu, objektif kaunseling di fasa 1 ialah memberi kefahaman dan peningkatan kesediaan klien mengikuti program pemulihan. Objektif kaunseling di fasa 2 ialah membolehkan penghuni mengatasi masalah-masalah yang dialami secara positif dan kreatif. Objektif fasa 3 pula ialah membina kemahiran daya tindak untuk mencegah penagihan semula, membolehkan klien menguruskan tekanan dengan berkesan dan memberi kemahiran kepada klien dalam aspek pengurusan diri. Manakala objektif fasa 4 adalah untuk mengukuhkan '*coping skills*' untuk mencegah penagihan semula dan mengintegrasikan semula klien ke dalam masyarakat.

Dilihat daripada perbezaan min, penghuni yang berada pada fasa 3 mendapat min tertinggi dari segi berkesannya program kaunseling iaitu 77.36. Ini diikuti oleh penghuni yang berada dalam fasa 2 dengan jumlah min 75.62. Sementara penghuni yang berada dalam fasa 4 dengan jumlah min 74.62. Bagi penghuni yang berada dalam fasa 1, jumlah min yang diperolehi hanyalah 71.62. Berdasarkan keputusan ini, perbezaan min begitu ketara antara penghuni yang berada dalam fasa 3 dengan penghuni yang berada dalam fasa 1. Begitu juga penghuni yang berada dalam fasa 2 dengan penghuni yang berada dalam fasa 4. Ini bermakna kedudukan fasa penghuni yang berbeza akan membawa kepada tahap keberkesanan yang berbeza terhadap program kaunseling yang dijalankan ke atas mereka. Kajian ini menunjukkan bahawa program kaunseling yang dijalankan kepada penghuni-penghuni adalah bersesuaian mengikut fasa-fasa yang berbeza.



iii. Harga Diri

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan di antara tahap harga diri yang tinggi dengan persepsi bahawa program kaunseling itu berguna untuk mereka. Ini menunjukkan bahawa penghuni-penghuni yang telah menjalani program kaunseling dapat merasai peningkatan harga diri mereka. Perasaan atau persepsi lampau seperti merasakan diri mereka sudah tidak berguna mungkin dapat dihilangkan daripada pemikiran dan sanubari mereka. Melalui program kaunseling, penghuni-penghuni dapat meningkatkan semula harga diri dan menangkis apa yang telah berlaku kepada diri mereka semasa di alam penagihan dan merasakan bahawa diri mereka masih mempunyai nilai sekurang-kurangnya sama seperti orang lain. Peningkatan harga diri ini dapat dilihat melalui perubahan fizikal penghuni di mana mereka kelihatan yakin, berketrampilan dan lebih sihat berbanding dengan semasa baru masuk ke pusat serenti.

Hubungan yang ditunjukkan di antara persepsi program kaunseling dengan peningkatan harga diri adalah secara positif. Ini bermakna semakin tinggi keberkesanan program kaunseling, semakin tinggi peningkatan harga diri. Dapatan kajian ini menyokong keputusan kajian oleh Mahmood (1999) bahawa peranan kaunseling dalam pemulihan dapat membantu klien membina tingkah laku baru yang positif, mengembangkan kemahiran dan berpotensi menyelesaikan masalah, merapatkan dan mengukuhkan hubungan kekeluargaan, meningkatkan harga diri, mewujudkan kesedaran diri, berfikiran positif dan menolong mereka untuk membina sikap berdikari.

Keputusan kajian ini juga turut menyokong dapatan penelitian Mahmood, Md. Shuaib, Lasimon, Muhamad Dzhahir dan Rusli (1999) yang mengkaji aspek psikologi penagih. Kajian mereka yang menumpukan terhadap aspek-aspek psikologikal seperti kemurungan, kebimbangan dan harga diri, mendapati bahawa berlaku perubahan yang signifikan pada aspek peningkatan harga diri, penurunan tahap kebimbangan serta kemurungan pada penagih.

CADANGAN

Sehubungan dengan itu, bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan program kaunseling yang dijalani oleh penghuni Pusat Serenti Rawang dalam konteks pemulihan terutama dari aspek kaunseling boleh diperkembangkan lagi, beberapa cadangan disampaikan untuk pertimbangan pengurusan.



Memandangkan harga diri merupakan satu petunjuk penting ke arah kepulihan, ini boleh digunakan sebagai indikator untuk pembebasan dari pusat. Bagi penghuni yang dicalonkan untuk pembebasan, satu penilaian boleh diwujudkan untuk mengetahui sama ada berlaku peningkatan harga diri penghuni setelah menjalani program pemulihan. Seandainya diperhatikan peningkatan harga diri maka ini boleh digunakan sebagai satu daripada kriteria untuk pembebasan. Borang penilaian pembebasan boleh juga memperuntukkan syarat kehadiran pada program kaunseling yang lebih signifikan berbanding dengan program-program lain. Ini adalah kerana program kaunseling merupakan tunjang utama kepada program rawatan dan pemulihan dadah yang dijalankan di pusat serenti.

Pihak Agensi Antidadah Kebangsaan juga perlu memberikan latihan yang secukupnya kepada para kaunselor yang baru diambil sebelum mereka ditempatkan ke pusat serenti untuk berkhidmat. Ini disebabkan mereka yang diambil kurang mempunyai asas dalam bidang kaunseling kerana kebanyakan mereka yang diambil adalah yang mempunyai kelulusan di luar bidang kaunseling penagihan dadah. Pihak AADK boleh mempertimbangkan dengan mengadakan kursus kaunseling kepada pegawai asrama dan unit keselamatan. Ini adalah penting kerana mereka juga terlibat dalam aktiviti yang dijalankan dan sering berdampingan dengan penghuni. Dengan adanya kemahiran dan pengetahuan kaunseling, kakitangan berkenaan dapat menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan penghuni serta dapat menenangkan ketegangan yang timbul dalam kalangan penghuni.

Pemantauan program kaunseling yang dijalankan di pusat serenti adalah perlu bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak kaunselor dan juga penghuni. Ini adalah untuk mengetahui kaedah mana yang dirasakan sesuai dan dapat memberikan input yang lebih berkesan kepada penghuni. Langkah ini dapat meningkatkan lagi keberkesanan program kaunseling dan dapat mengurangkan ketidakhadiran penghuni untuk menjalani sesi kaunseling yang ditetapkan. Modul-modul program kaunseling yang dijalankan kepada penghuni haruslah sentiasa dikaji, adakah ia bersesuaian mengikut semua peringkat. Kalau ia didapati sesuai ia haruslah dikekalkan, manakala yang didapati tidak sesuai haruslah diperbaiki dan dipertingkatkan lagi.



KESIMPULAN

Dapatan kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa program kaunseling yang dijalankan terhadap penghuni di Pusat Serenti Rawang adalah berkesan dan mencapai objektifnya. Ini dapat dilihat melalui hasil dapatan yang dijalankan bahawa ada perbezaan dari kalangan penghuni fasa 1 ke fasa 2, 3 dan 4 yang mana perbezaan yang ditunjukkan menampakkan bahawa semakin lama tempoh kaunseling yang diterima oleh penghuni, ia semakin berkesan pada diri mereka.

Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa ada peningkatan harga diri di kalangan penghuni yang telah menjalani program kaunseling. Bolehlah dikatakan bahawa perubahan pada penghuni menampakkan bahawa mereka kembali ke tahap yang positif sebelum mereka menjalani program pemulihan yang membabitkan program kaunseling. Ini menunjukkan bahawa program kaunseling yang diterima oleh penghuni dianggap berkesan.



RUJUKAN

- Agensi Dadah Kebangsaan. (1998). *Panduan Kaunseling Rawatan dan Pemulihan Dadah: Arahan Tetap Ketua Pengarah 2/98*. Kuala Lumpur: ADK.
- Akta Rawatan Pemulihan Dadah (APD) (1983).
- Amir Awang. (1987). *Teori dan Amalan Psikoterapi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Baumeister, R.F. & Tice D.M. (1985). Self-esteem and Response to Success and Failure: Subsequent Performance and Intrinsic Motivation. *Journal of Personality*, 53(3), 34-45.
- Jackson, B. & Muth, M. (1999). *Counseling Approaches in Treating Cocaine Addiction*. Washington DC: National Institute on Drug Abuse.
- Dyer, W.W. & Vriend J. (1993). Effective Group Counseling Process Intervention. *Educational Technology*, 13, 15-18.
- Eugster, R. & Wampold, B.E. (1996). *Comprehensive Scale of Psychotherapy Session Constructs (CSPSC)*.
- Flisher, A. J. & De Beer, J. P. (2002). Characteristics of Students Receiving Counseling Services at The University of Cape Town, South Africa, *British Journal of Counselling*, 3(3), 89-94.
- Goldenson, R.M (1994). *Longman Dictionary of Psychology and Psychiatry*. New York: Longman.
- Laporan Agensi Dadah Kebangsaan, (1997). Kuala Lumpur: ADK.
- Laporan Agensi Dadah Kebangsaan, (2002). Kuala Lumpur: ADK.
- Mahmood Nazar Mohamed, Md. Shuaib Che Din & Abdul Halim Othman. (1993). Alteration of Defense Mechanisms Among Psychoactive Drug Addicts. *Kertas Kerja, XVI World Conference of Therapeutic Communities*. Kuala Lumpur.
- Mahmood Nazar Mohamed (1999). *Memulihkan Penagih Tegar: Implikasi Kepada Modiliti Masa Kini*. Prosiding Kerja Sosial. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mahmood Nazar Mohamed, Md Shuaib Che Din, Lasimon Matokrem, Muhamad Dzahir Kasa dan Rusli Ahmad. (1999). *Penagihan Dadah dan Residivisme: Aspek-Aspek Psikososial dan Persekitaran*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.



- Mahmood Nazar Mohamed. (2001). *Kaunseling Penagih Dadah: Aplikasi Dalam Proses Bimbingan dan Kaunseling Di Institut Pengajian Tinggi*. Kertas Kerja, Seminar Kaunseling Kebangsaan Ke III, Universiti Utara Malaysia.
- Mohammad Samad. (1998). *Proses Pulihkan Penagih Dadah*, Utusan Malaysia.
- Muhd. Mansur Abdullah. (1993). *Kaunseling Teori, Proses dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Heppner, P., Kivlighan, D.M. Jr. & Wampold, B.E. (1999). *Research Design in Counseling*, (2nd Edition). New York : International Thomson Publishing Company.
- Rosenberg, M. (1965). *Society and The Adolescent Self-image*. Princeton, N.J.: Princeton University Press.
- Sekaran, U. (2000). *Research Method for Business. A Skill-based Approach* (2nd Ed). New York: John Wiley and Sons.
- Sharol Lail Sujak. (2001). *Penagih Dadah dan HIV di Malaysia: Suatu Krisis, Utusan Melayu*: Kuala Lumpur.
- Suradi Salim. (1996). *Bimbingan dan Kaunseling*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Syed Arabi Idid (1992). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zickler, P. (1999). *Combining Drug Counseling Methods for The Treatment of Cocaine Addiction*. Washington DC: National Institute on Drug Abuse.